

'TMJ tidak faham konsep Persekutuan'

BH-5/1/2019 m/s: 6

➔ Perdana Menteri tegaskan kerajaan mempunyai kuasa ke atas seluruh negara

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, Tunku Mahkota Johor (TMJ), Tunku Ismail Sultan Ibrahim, tidak memahami konsep Persekutuan ekoran kritikan baginda terhadap Kerajaan Persekutuan.

Perdana Menteri berkata, mungkin Tunku Ismail belum dilahirkan ketika Persekutuan diwujudkan, menyebabkan baginda tidak mengetahui perkara itu.

"Baginda tidak faham Persekutuan. Mungkin sebab baginda masih belum dilahirkan ketika itu, tetapi saya sudah dilahirkan pada waktu itu.

"Persekutuan bermaksud ia (kerajaan) mempunyai kuasa ke atas seluruh negara dan kita tidak boleh berkata ini dan itu tidak boleh dilakukan," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan di sini, semalam.

Ulas kritikan TMJ

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas kritikan berterusan oleh Tunku Ismail, terhadap Kerajaan Pakatan Harapan. Mengulas lanjut, Dr Mahathir

Info

Federalisme

➔ **Bermaksud** fahaman menjurus kepada kesatuan di bawah satu Kerajaan Persekutuan. Sebuah negara Persekutuan merujuk kepada negara yang terdiri dari beberapa negeri berautonomi yang bersatu di bawah sebuah Kerajaan Pusat.

berkata, terdapat senarai yang menyatakan pengasingan kuasa dimiliki kerajaan negeri dan Persekutuan yang perlu dipatuhi.

"Walaupun kita ada senarai pengasingan kuasa kerajaan negeri dan Persekutuan, ia tidak menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan tidak boleh memberi pandangan dan komen terhadap kenyataan yang dikeluarkan kerajaan negeri," katanya.

Tunku Ismail dikenali sebagai individu yang lantang menyuarakan pandangan baginda, berhubung isu politik tanah air di media sosial.

Terbaru, baginda mengingatkan Kerajaan Persekutuan supaya ber-

henti daripada bermain politik, sebaliknya memberi fokus membantu rakyat dan membangunkan negara.

Malah, baginda bertegas akan terus bersuara demi rakyat, biarpun ada yang menganggap 'musuh kepada orang ramai.'

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir berkata, pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) perlu mengambil kira sensitiviti semua pihak.

Sambil menafikan beliau tidak mengiktiraf sijil berkenaan katanya, laporan kononnya beliau menolak pengiktirafan terhadap UEC dalam satu temu bual bersama sebuah akhbar berbahasa Cina baru-baru ini, sudah disalah faham.

Isu sensitif

"Saya selalu diminta menghadiri temu bual bersama media dan saya tidak pernah menolak jemputan mereka, tetapi ada laporan yang disiarkan tidak seperti yang saya ucapkan.

"Menegenai UEC, saya tidak pernah kata saya menolaknya. Apa yang saya kata ialah ada isu sensitif dalam kalangan orang Melayu, yang perlu diambil kira dan juga kaum lain," katanya.

Justeru, Dr Mahathir menasihatkan media supaya sentiasa melaporkan berita yang benar.



Walaupun kita ada senarai pengasingan kuasa kerajaan negeri dan Persekutuan, ia tidak menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan tidak boleh memberi pandangan dan komen terhadap kenyataan yang dikeluarkan kerajaan negeri"

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri